

07 JUN 2000

Mahkamah-Anwar

PERBICARAAN KES LIWAT ANWAR DITANGGUH HINGGA JUMAAT

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang dijadualkan disambung hari ini, ditangguh sehingga Jumaat ini.

Ketika mengumumkan perkara itu, timbalan pendaftar Mahkamah Tinggi Rozilah Salleh berkata, penangguhan itu dibuat memandangkan saksi-saksi yang diperlukan untuk memberi keterangan dalam kes itu tidak sempat dihubungi.

Rozilah juga memaklumkan bahawa penangguhan itu juga dibuat bagi membolehkan pembelaan menemui presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Lamin Yunus untuk meminta supaya prosiding kes itu digantung buat sementara waktu.

Ini kerana pembelaan sudah mengemukakan notis rayuan berhubung keputusan Mahkamah Rayuan yang menolak permohonan mereka untuk memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi pada perbicaraan itu.

Isnin lepas, Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Arifin Jaka untuk tidak memanggil Dr Mahathir sebagai saksi selepas membenarkan bantahan awal yang dikemukakan oleh pendakwaan berhubung perkara itu.

Bagaimanapun, seorang daripada peguam Anwar, Sankaran Nair ketika dihubungi berkata, Lamin telah menolak permohonan supaya prosiding kes itu digantung dan perbicaraan akan diteruskan Jumaat ini.

Anwar, 52, dibicarakan bersama-sama adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, terhadap pertuduhan meliwat Azizan, 39, di apartmen milik Sukma di Tivoli Villa, Bukit Bandaraya di sini, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, turut menghadapi tuduhan bersubahat dengan bekas menteri kewangan itu untuk meliwat Azizan, bekas pemandu peribadi isteri Anwar, di tempat dan pada masa yang sama.

Pendakwaan diketuai oleh Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah manakala pembelaan Anwar diketuai oleh peguam Christopher Fernando dan Sukma oleh Gobind Singh Deo.

-- BERNAMA

SBB NMO